

PEMBUNUH
ISU

Bilangan penjawat awam cukup

● Kakitangan sedia ada mampu laksana tugas dalam pelbagai kemahiran

Info

Penjawat awam

Semua penjawat awam sedia ada atau yang baharu perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan kecekapan

Kuala Lumpur

Kerajaan tidak akan menambah atau mengurangkan bilangan penjawat awam, malah mengambil pendekatan penuasan semula (redeployment) jika ada keperluan mewujudkan perjawatan baharu pada masa depan.

Rtua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata 16 juta penjawat awam kini sudah memadai kerana mereka dilatih untuk melakukan tugasannya membabitkan pelbagai kemahiran (multitasking), termasuk menghapuskan jawatan yang

tidak lagi relevan.

Langkah diambil kerajaan

Beliau berkata, ia adalah langkah yang diambil kerajaan sejak 2012 untuk mengurangkan perbelanjaan pengurusan bagi sektor itu dan ia masih dilaksana hingga sekarang.

"Semua pengawat awam sedia ada atau yang baharu perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan kecekapan."

"Kita tidak kurangkan perjawatan awam, mungkin ada beberapa jawatan dahulu hilang peranannya namun diganti dengan tugas baharu

mengikut keperluan semasa," katanya.

Mengulas lanjut, Ali berkata pihaknya turut menerima banyak permintaan untuk menambah perjawatan bahara dalam agensi kerajaan, termasuk sektor keselamatan, namun ia akan diteliti dan diperimbang kewajarnya terlebih dahulu.

Beliau berkata kerajaan melihat sama ada penggunaan konsep pengawasan semula adalah lebih sesuai atau sebaliknya bagi mengelak wujud kembali perjawatan yang tidak perlu.

BERNAMA



Ali memukul gong simbolik perasmian Dewan Rofulin Sekolah Menerung Kebangsaan Raja Muda Muadzin di Bersama Jaya, semalam, Yang Tuan hadir Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Dr Khair Mohamed Yusof (dua dari kiri).